



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
BILA IZRAIL DATANG  
MEMANGGIL



ISLAMIC - SAVOIR - OBEIDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





**"BILA IZRAIL DATANG MEMANGGIL".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ زُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ﴿١٨٥﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</b></p> <p>Marilah sama-sama kita tingkatkan kualiti iman dan takwa ke hadrat Allah SWT, dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya kerana ia adalah sebaik-baik bekalan di hari akhirat kelak.</p>	5
<p>Khutbah Jumaat pada hari ini bertajuk: <b>"BILA IZRAIL DATANG MEMANGGIL."</b></p> <p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	6



<p>Kehidupan manusia di dunia ini bermula dari rahim ibunya. Kemudian setelah hidup di dunia beberapa lama, ia pun akan menemui sebuah kenyataan yang tidak boleh dielakkan, iaitu kunjungan Malaikat Izrail mengambil nyawanya. Kehadirannya untuk mengambil nyawa manusia tanpa mengenal usia, tua atau muda. tidak mengenal kaya atau miskin, berkedudukan tinggi atau orang biasa. Dia tetap menjalankan tugasnya, seperti yang diamanahkan kepadanya.</p>	7
<p>Firman Allah SWT dalam surah Qaaf ayat 19 :</p> <p>وَجَاءَتْ سَكْرَةُ الْمَوْتِ بِالْحَقِّ عَلَيْهِ ذَٰلِكَ مَا كُنْتَ مِنْهُ تَحِيدُ ﴿١٩﴾</p>	8
<p><i>“Dan (apabila sampai ajal seseorang ) datanglah “sokratul maut” membawa kebenaran (yang telah dijanjikan, serta dikatakan kepada yang mengingkarinya sebelum itu), Inilah perkara yang engkau selalu mengelak diri daripadanya.”</i></p>	9
<p>Ketika nyawa dicabut dan dipisahkan dari jasad, nafas kita terhenti, mulut terkunci, anggota badan lemah, pintu taubat ditutup. Yang kedengaran hanya tangisan dan rintihan keluarga yang ditinggalkan. Tiada sesiapa yang boleh menolong menyelamatkan kita dari kematian, walau pun di samping kita Doktor Pakar, Tok Bomoh. Tok Imam dan sebagainya. Mereka yang hidup di dunia bergelumang dengan dosa, akan menghadapi kematian dalam keadaan terseksa dan ketakutan. Lebih-lebih lagi apabila Allah SWT memperlihatkan kepadanya, neraka tempat tinggal mereka.</p>	10



Dikala merasai pedihnya kematian, Rasulullah SAW sebagai makhluk yang paling dicintai Allah SWT bersabda melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina A'isyah Radhiallahu'anha:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ إِنَّ لِلْمَوْتِ سَكْرَاتٍ

11

*"Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, sesungguhnya dalam kematian terdapat rasa sakit."*

*(Riwayat Al-Bukhari).*

**Muslimin yang mulia,**

Sesungguhnya perjalanan untuk menuju ke alam akhirat merupakan satu perjalanan yang jauh. Perjalanan yang bakal menentukan tempat yang kekal abadi, sama ada sebagai penghuni syurga atau neraka. Perjalanan tersebut bermula dengan kematian, kemudian bersemadi di alam barzakh, seterusnya pertemuan di padang Mahsyar. Kerana kedahsyatan perjalanan itu,

12

Rasulullah SAW bersabda melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina A'isyah Radhiallahu'anha:

وَاللَّهِ لَوْ تَعْلَمُونَ مَا أَعْلَمُ، لَضَحِكْتُمْ قَلِيلًا وَلَبَكَيْتُمْ كَثِيرًا

13

*"Demi Allah, seandainya engkau mengetahui apa yang aku ketahui, nescaya engkau akan sedikit ketawa dan banyak menangis."*

*(Muttafaq alaih).*

14

**Muslimin yang dirahmati Allah,**



<p>Merujuk kepada kitab Sabilul-azkar wal-iktibar, usia manusia dibahagi kepada lima. Bermula dalam rahim ibu, kemudian hidup di dunia, setelah mati ia di semadikan di alam barzakh, seterusnya dibangkitkan di padang Mahsyar, selepas itu baru ditentukan tempatnya sama ada syurga atau neraka.</p>	15
<p>Sesungguhnya kematian itu bukanlah berakhirnya urusan manusia dengan Allah SWT. Ketika jenazah disemadikan di alam barzakh atau dalam kubur, para jemaah yang mengusung jenazah ke kubur pun pulang, Malaikat Munkar dan Nakir pula datang untuk menyoal. Tidak seorang pun boleh terkecuali daripadanya. Antara soalnya; Siapakah Tuhanmu! Siapakah Nabimu! Apakah agamamu! Siapakah Imammu dan apakah pegangan hidupmu! Dan di manakah kiblatmu! Siapakah saudaramu!</p>	16
<p>Apakah agaknya roh boleh menjawab soalan-soalan tersebut dengan mengatakan Allah itu Tuhanku, sedangkan semasa di dunia tidak tetap beriman kepadanya. Mampukah kita menjawab Muhammad itu nabiku, sedangkan kita tidak mengikut syariat yang disampaikan. Mampukah kita menjawab Islam itu agamaku, kalau kita enggan mematuhi sepenuhnya hukum-hakam dalam Islam. Mampu kah kita menjawab al-Quran itu peganganku, kalau kita tidak pernah membaca dan ikut ajarannya. Bolehkah roh menjawab Kaabah itu kiblatku, kalau kita kadang-kadang solat kadang-kadang tidak. Mampukah kita menjawab muslimin dan muslimat itu saudaraku, kalau kita sering mengumpat, mencerca, bergaduh dan menghina saudara seagama.</p> <p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p>	17



<p>Perlu diingat, bahawa harta dan kekayaan dunia yang kita bersusah payah mengumpulnya dan memikirkan siang dan malam tidak boleh membantu kita, kecuali apabila sebahagian harta tersebut kita infaqkan sebagai wakaf atau sedekah untuk memperoleh keredaan Allah SWT. Harta tersebut akan memberi ganjaran pahala kepada kita selagi harta yang kita wakafkan itu dapat dimanfaatkan.</p>	18
<p>Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu'anhua bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>“Apabila mati anak Adam (manusia) akan terputus amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah (wakaf), ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	19
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah</b></p> <p>Setiap orang beriman hendaklah selalu berdoa kepada Allah SWT, mengharapkan kematian dalam <b>husnul khatimah</b>, mati dalam keadaan baik. Bukan dalam <b>su'ul khatimah</b>, berakhirnya hidup dalam keadaan buruk. Oleh itu kita disaran melazimkan berdoa;</p> <p style="text-align: center;"><b>اَللّٰهُمَّ اَخْتِمْ لَنَا بِحُسْنِ الْخَاتِمَةِ وَلَا تَخْتِمْ عَلَيْنَا بِسُوءِ الْخَاتِمَةِ</b></p> <p><i>“Ya Allah, matikanlah kami dalam kesudahan yang baik, dan janganlah engkau matikan kami dalam kesudahan yang buruk”</i></p>	20
<p>Disamping itu kita hendaklah segera bertaubat memohon kempunan Allah SWT dari dosa-dosa yang kita pernah lakukan, sama ada disedari atau pun tidak. Allah mengingatkan kita supaya taubat jangan ditangguhkan sehingga roh hampir keluar dari jasad.</p>	21



Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 18:

وَلَيْسَتِ التَّوْبَةُ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ حَتَّىٰ إِذَا حَضَرَ أَحَدَهُمُ  
الْمَوْتُ قَالَ إِنِّي تُبْتُ إِلَيْنَ وَلَا الَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمْ كُفَّارٌ أُولَٰئِكَ أَعْتَدْنَا  
لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٨﴾

22

*"Dan tidak ada gunanya taubat itu kepada orang-orang yang selalu melakukan kejahatan, hingga apabila salah seorang dari mereka hampir mati, berkatalah ia: Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini, (sedang taubatnya itu sudah terlambat) dan (demikian juga halnya) orang-orang yang mati sedang mereka tetap kafir. Orang-orang yang demikian, Kami telah sediakan bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya."*

23

**Hadirin Jumaat yang mulia,**

Marilah kita siapkan sebanyak-banyaknya bekalan untuk menyempurnakan perjalanan menuju alam akhirat, iaitu dengan mentaati perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya, serta melakukan amal soleh untuk kepentingan agama dan masyarakat Islam.

24



Firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا  
اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

25

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat) dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan."*

26

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah kita menghayati dan mengambil pengajaran daripada saranan berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin adanya hari akhirat yang mana Allah SWT akan mengadili amalan kita di dunia, untuk ditentukan sama ada kita layak di tempatkan di syurga atau neraka.
  2. Umat Islam hendaklah meningkatkan amal soleh dan tidak menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu apa pun.
  3. Umat Islam hendaklah segera bertaubat memohon keampunan Allah akan maksiat yang dilakukan, dan mengqada' amalan fardu yang telah ditinggalkan.
- 27





<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ إِنَّمَا التَّوْبَةُ عَلَى اللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السُّوءَ بِجَهْلَةٍ ثُمَّ يَتُوبُونَ مِنْ قَرِيبٍ فَأُولَئِكَ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٧﴾</p>	28
<p><i>"Sesungguhnya taubat di sisi Allah itu hanya bagi orang yang melakukan kejahatan disebabkan kejahilan kemudian mereka segera bertaubat. Maka mereka itulah yang diterima Allah taubatnya. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."</i></p> <p>(Al-Nisa: 17).</p>	29
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	9
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	11
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	12
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	16
<p>Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.</p>	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21